Selamat Menyambut Hari Malaysia

16 - 30 SEPTEMBER, 2025

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Hari Buletin Bersama TLDM menyatukan masyarakat



KETUA Menteri pada Majlis Penutupan Hari Buletin 4.0 Bersama TLDM.



SEBAHAGIAN kapal tentera laut yang berlabuh di sini sempena Hari Buletin 4.0 Bersama TLDM baru-baru ini.



TUN Ramli Ngah Talib (tengah) menerima tabik hormat daripada kontinjen perbarisan yang menyertai ANCP di sini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN -** Hari Buletin 4.0 Bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang berlangsung di Padang Kota Lama baru-baru ini berjaya menarik kehadiran kira-kira 40,000 pengunjung.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, edisi keempat Hari Buletin kali ini cukup istimewa kerana bukan sahaja melibatkan penyertaan TLDM, tetapi turut mengembalikan semula acara berprestij *ASEAN Navies' City Parade* (ANCP) yang kali terakhir diadakan di Pulau Pinang pada 19 Mei 1990 sempena *International Fleet Review*.

"Sepanjang penganjuran, orang ramai berpeluang menyaksikan demonstrasi maritim, kawad senyap, pancaragam tentera laut dan mengunjungi reruai pameran.

"Tidak ketinggalan, persembahan pentas pada sebelah petang oleh pasukan laut dari Malaysia, Thailand, Myanmar, Vietnam, Indonesia, Brunei, Singapura dan Filipina turut menceriakan pengunjung," katanya ketika menyampaikan ucapan penutup pada 17 Ogos 2025.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menyatakan bahawa penganjuran kali ini lebih bermakna kerana menampilkan kecanggihan aset armada laut serantau termasuk 10 kapal perang yang berlabuh di perairan Pulau Pinang.

Menurutnya, pameran aset maritim itu memberi pengalaman luar biasa kepada rakyat untuk melihat dari dekat keupayaan pasukan pertahanan maritim negara.

*(Sambungan di muka 2).*

**MERIAH, PENUH ISTIADAT ARMADA LAUT...** Yang Dipertua Negeri Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Ramli Ngah Talib dan isteri Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah berkenan menghadiri *ASEAN Navies' City Parade* (ANCP) yang diadakan serentak penganjuran Hari Buletin 4.0 Bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Padang Kota Lama pada 17 Ogos lalu.

Turut hadir, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Dr. Zulhelmy Ithnain dan isteri; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Law Choo Kiang dan isteri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long dan isteri serta pimpinan tertinggi TLDM dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Seawal pagi, orang ramai mula membanjiri Padang Kota Lama, kali ini ANCP menampilkan perbarisan kontinjen anggota maritim serta pembawa panji daripada Skuadron Ke-23 mewakili negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Singapura, Thailand, Myanmar, Indonesia, Filipina, Vietnam dan Brunei.

Juga diadakan adalah persembahan kebudayaan Pulau Pinang seperti tarian etnik utama dan peranakan, chingay dan boria; demonstrasi serta lintas hormat aset maritim membabitkan bot tempur laju *(fast combat boat)* dan helikopter; persembahan pancaragam *(brass band)* serta kawad senyap *(silent drill)* yang memukau oleh TLDM dan pameran membabitkan beberapa agensi kerajaan termasuk armada laut negara-negara Asia Tenggara.

Terdahulu, Ramli menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormatan yang diketuai oleh Leftenan KDR Mohd. Amirul Abdullah Hanan dan Leftenan Abdul Hakim Mohd. Sidek dan seterusnya menerima tabik hormat daripada 23 kontinjen perbarisan yang terdiri daripada tentera laut negara-negara Asia Tenggara, para veteran dan sukarela TLDM.

Sebagai rekod, kali terakhir ANCP diadakan adalah 35 tahun lalu iaitu pada 19 Mei 1990.



**PARA pemenang pertandingan pakaian beragam merakamkan gambar kenangan bersama barisan juri.**


**PERSATUAN Chingay Pulau Pinang mempamerkan persembahan yang mendebarkan.**


**PERSEMBAHAN 'sembur api' TLDM semarakkan Hari Buletin 4.0 Bersama TLDM.**


**PANCARAGAM armada laut yang bertenaga.**


**PERSEMBAHAN kebudayaan penuh warna-warni yang menggabungkan pelbagai etnik di Pulau Pinang.**


**PENGUNJUNG berpeluang melawat kapal-kapal perang armada laut Asia Tenggara dan merakamkan gambar kenang-kenangan.**


**GELAGAT si cilik yang mengambil bahagian dalam pertandingan pakaian beragam di sini baru-baru ini.**

*(Sambungan dari muka 1).*

## Wadah komunikasi

"Inisiatif ini seiring dengan semangat Visi Penang2030 iaitu menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang progresif, inklusif dan berdaya huni.

"Hari Buletin kini telah berkembang menjadi satu platform besar yang menyatukan masyarakat daripada pelbagai lapisan," katanya sambil menzahirkan harapan agar Hari Buletin 5.0 tahun depan lebih besar, lebih bermakna dan memberi impak lebih meluas.

Mengakhiri ucapan, Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada TLDM, negara-negara sahabat, pasukan media serta semua pihak yang menjayakan acara kali ini.

"Kita percaya penganjuran ini telah menghimpunkan ribuan pengunjung, termasuk peminat cilik penerbitan Buletin Mutiara dari Malaysia Timur yang hadir khusus untuk menyertai pelbagai pertandingan yang dianjurkan.

"Sokongan sebegini amat bermakna untuk terus memantapkan peranan Buletin Mutiara sebagai wadah komunikasi rakyat Pulau Pinang," ujarnya.

# Perkukuh sokongan pendidikan vernakular

Gambar : **SIEW CHIA EN**




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan negeri dan wakil SJKT pada majlis penyampaian cek cura baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan berjumlah RM2.42 juta bagi tahun 2025 untuk 28 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), termasuk 14 tadika di bawah seliaan sekolah-sekolah tersebut serta tiga Pusat Pendidikan Punjabi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi, dengan diiringi Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo menyerahkan sumbangan berkenaan dalam Majlis Penyampaian Replika Cek kepada SJKT dan Pusat Pendidikan Punjabi Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 pada 25 Julai lalu.

Menurut Kon Yeow, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM268,100 diperuntukkan kepada 14 tadika di bawah seliaan SJKT, manakala RM1,782,000 disalurkan kepada SJKT melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

"Sejumlah RM120,000 pula telah diberikan kepada tiga Pusat Pendidikan Punjabi, masing-masing menerima peruntukan sebanyak RM40,000.




**ANTARA warga pendidik yang hadir.**

"Peruntukan ini bukan sahaja untuk menambah baik kemudahan fizikal sekolah, tetapi juga bagi memperkukuh keberlangsungan pendidikan vernakular di negeri ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Sementara itu, Sundarajoo yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang memaklumkan bahawa baki peruntukan tahunan 2025 sebanyak RM249,900 akan dijadikan Dana Khas SJKT.

"Selain itu, kita turut menyalurkan bantuan tambahan bernilai RM20,000 secara sekali beri *(one-off)* kepada Telegu Association Malaysia bagi tujuan pengendalian kelas bahasa Telegu di pusat pendidikan mereka," katanya yang juga ADUN Perai.

ADUN Bagan Dalam, K. Kumaran yang juga Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Khas Sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang dan ADUN Komtar, Teh Lai Heng turut sertai majlis pengampaian bantuan kewangan kepada wakil sekolah-sekolah berkenaan.

Kon Yeow yang ditemui kemudian memberitahu bahawa buat masa ini, pentadbirannya berhasrat untuk mengekalkan pemberian peruntukan tahunan kira-kira RM2 juta, dengan skop permohonan diperluas kepada projek pembangunan fasiliti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), *'maker labs'* dan makmal komputer mengikut keperluan sekolah.

"Selepas 16 tahun pelaksanaan program bantuan ini dengan jumlah melebihi RM30 juta, kita mula menerima permohonan daripada pihak sekolah untuk menaik taraf kemudahan ICT dan peralatan teknologi lain," jelasnya.

## Asnaf terima unit kediaman Inapan Kasih Zakat MAINPP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui anak syarikatnya, Zakat MAINPP memperuntuk kira-kira RM450,000 bagi membina lima unit kediaman Inapan Kasih untuk asnaf yang layak di sekitar kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Yang Dipertua MAINPP memaklumkan bahawa dua unit Inapan Kasih telah siap dibina, manakala tiga lagi unit dijangka siap dalam tempoh dua bulan akan datang.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat berkata demikian selepas menziarahi Tom Mat Zain, 80, penerima bantuan di Kampung Permatang Nibong pada 24 Julai 2025.



**DR. Mohamad Abdul Hamid.**

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat MAINPP, Mohamad Khairi Ghazali; Pegawai Penyelaras KADUN Seberang Jaya, Fayyadh Afiq Albakqry Jaafar Sidek serta anggota Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Tok Kandu.

Menurut Mohamad, Zakat MAINPP bukan sahaja membina rumah baharu Inapan Kasih, malah turut melaksanakan kerja-kerja baik pulih rumah lama, khususnya bagi asnaf fakir dan miskin yang memenuhi syarat kelayakan.

"Selain menyediakan kediaman, kami berharap semua pihak dapat bersama-sama membantu Zakat MAINPP mencapai sasaran kutipan zakat fitrah dan zakat harta sebanyak RM200 juta pada tahun ini," jelasnya.

Menjawab pertanyaan pemberita, Mohamad memberitahu bahawa pada tahun 2025, Zakat MAINPP telah memperuntukkan sejumlah RM1.9 juta untuk projek Inapan Kasih, dengan sembilan unit kediaman siap dibina.

Sementara itu, Tom menzahirkan rasa syukur dan penghargaan kepada Zakat MAINPP atas kelulusan permohonan bantuan kediaman baharu tersebut.

"Tidak ada ucapan lain melainkan terima kasih, alhamdulillah. Rumah lama yang kami diami kini terletak di atas tanah milik orang lain.

"Anak saya membuat permohonan zakat, dan pihak Zakat MAINPP bersetuju membina rumah Inapan Kasih kerana saya mempunyai sebidang tanah peninggalan arwah suami. insyaAllah, rumah ini akan siap dalam masa dua bulan," katanya penuh syukur.

# Tonggak ekonomi pertanian

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PINANG TUNGGAL –** Industri ternakan terus memainkan peranan penting sebagai pembekal sumber protein utama rakyat Pulau Pinang, sekali gus kekal sebagai antara sektor terpenting dalam landskap pertanian negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow ketika memetik statistik awal Banci Pertanian Pulau Pinang 2023 berkata bahawa sektor ternakan merekodkan sumbangan terbesar iaitu 44 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian negeri yang berjumlah RM3.5 bilion.

"Pada tahun 2024, Nilai Hasil Ternakan (NHT) Pulau Pinang mencapai RM1.906 bilion, meningkat RM41.54 juta berbanding tahun sebelumnya.

"Ternakan unggas, khususnya ayam dan itik termasuk daging dan telur, kekal sebagai penyumbang terbesar, merangkumi 91.75 peratus daripada jumlah NHT pada 2024," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan penutupan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2025 (HPPN 2025) di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dekat sini 27 Julai 2025.

Hadir sama, Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol; Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Dato' Rashidi Zinol; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim.

Dalam ucapannya, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited menyokong dan meningkatkan produktiviti penternakan berskala kecil serta tradisional.

"Inisiatif ini termasuk pembangunan ruminan melalui Projek Pembangunan Industri Ternakan.

"Selain itu, program pencegahan, kawalan dan pembasmian penyakit khususnya penyakit ekonomi penting dan zoonotik kekal menjadi keutamaan demi melindungi kesihatan awam dan memastikan kelestarian sektor ternakan," katanya.



FAHMI Zainol (depan, kanan) mengiringi Ketua Menteri melihat keunikan baka lembu sado di sini.




GELAGAT 'doktor veterinar' cilik semasa bergambar bersama-sama Ketua Menteri dan para tetamu kehormat lain sempena HPPN2025 baru-baru ini.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang mendekati pelbagai spesies burung kakak tua yang dibawakan khas.

Tambah beliau, bagi industri ternakan yang mampu berdikari seperti ayam dan babi, pelaksanaan Enakmen Penternakan Unggas bertujuan mengubah sektor itu ke arah penternakan moden berskala komersial.

"Penggunaan sistem rumah tertutup kini menjadi keperluan utama, bukan sahaja untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran, tetapi juga menjadikan industri lebih mesra alam serta lestari, selaras dengan pembangunan pesat negeri," jelasnya.

Sementara itu, Fahmi berkata penganjuran HPPN 2025 menjadi platform strategik untuk mempamer dan mempromosikan produk berasaskan agro, ternakan dan perikanan tempatan yang mempunyai identiti Pulau Pinang.

"HPPN mengaplikasikan teknologi moden serta amalan pertanian pintar dalam pengeluaran dan pemprosesan.

"Ia bukanlah program baharu di Pulau Pinang, sebaliknya telah menjadi acara tahunan penting yang menarik pengunjung dari dalam dan luar negeri, sekali gus menyumbang kepada perkembangan sektor agropelancongan negeri," ujarnya.

## APAI2030 terus diperkasa

**PULAU BETONG –** Pendekatan inklusif dalam pelaksanaan Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030) terus diperluas melalui penganjuran Karnival Islami Masyarakat MADANI yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pondok Upeh dekat sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa karnival berkaitan diadakan bersempena siri Jelajah APAI2030 yang bertujuan membawa mesej pembangunan Islam secara menyeluruh.

"Pelaksanaan APAI2030 kini lebih menyeluruh, terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan tidak hanya terhad kepada institusi masjid," ujarnya semasa merasmikan karnival berkaitan di sini pada 20 Julai lalu.

Hadir sama, Mufti Kerajaan Negeri, Prof. Madya Dr. Mohd. Sukki Othman; Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Rosidi Hussain; Pegawai Daerah bagi Daerah Barat Daya, Dato' Rosli Halim serta dif-dif kehormat yang lain.

Beliau yang juga Yang Dipertua MAINPP menegaskan bahawa penglibatan komuniti dalam program seumpama itu adalah amat penting demi menyemarakkan pembangunan sahsiah dan spiritual masyarakat Islam di negeri ini.

"Pendekatan bersemuka dan turun padang seperti penganjuran Karnival Islami Masyarakat MADANI mampu memperkukuh nilai Madani dalam kalangan masyarakat.

"Selain itu, usaha ini turut menyemarakkan pembangunan sahsiah dan kerohanian umat Islam di negeri ini secara menyeluruh dan efektif," katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad turut menyeru kepada seluruh umat Islam agar merebut peluang untuk menyumbang ke arah kelestarian dan pembangunan masjid melalui instrumen wakaf.

"Usaha memperkasa peranan institusi masjid di Pulau Pinang terus diperkukuh menerusi pelancaran Tabung Sumbangan Wakaf Masjid-Masjid Pulau Pinang yang mana sumbangan wakaf bukan sahaja menjana impak fizikal, malah memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat dari segi pendidikan, ekonomi dan sosial.

"Maka, tabung ini bakal dimanfaatkan untuk pelbagai keperluan termasuk penyelenggaraan masjid, pembangunan prasarana baharu dan program pengimarahan," ujarnya sambil memaklumkan bahawa MAINPP turut merancang untuk memperluas capaian sumbangan melalui platform digital bagi memudahkan orang ramai menyumbang dengan lebih cepat, telus dan sistematik.





SUASANA tenang dengan persekitaran yang menghijau pasti memukau sesiapa sahaja yang menelusuri Sungai Juru.

# River Park@Autocity terokai habitat liar Sungai Juru

SEJAK dua bulan lalu, River Park@Autocity Juru telah memulakan perkhidmatan bot pelancongan khusus untuk pengunjung domestik dan antarabangsa menelusuri hilir Sungai Juru sejauh 12 kilometer (km) sehingga ke perairan terbuka negeri, sebelum berpatah balik ke jeti.

Perkhidmatan bot ini dibuka pada Jumaat hingga Ahad dengan tiga jadual tetap iaitu pada jam 10.30 pagi, 1.30 petang dan 4.30 petang.

Bagi warganegara, harga tiket ditetapkan pada RM48 seorang (dewasa) serta RM38 seorang (kanak-kanak dan warga emas). Manakala bukan warganegara dikenakan bayaran RM68 (dewasa) dan RM58 (kanak-kanak serta warga emas).

Setiap pelayaran diluncurkan hanya jika minimum 12 penumpang dicapai, dengan kapasiti maksimum 20 orang sebot.

Pengasas merangkap Pengurus Besar Autocity, **GARY TEOH KIANG HONG** berkata, *River Park@Autocity Juru* telah dirasmikan pada 20 April 2024.

"Objektif sebenar di sebalik projek ini adalah untuk mentransformasikan Sungai Juru termasuk tebing sungainya serta Bukit Juru menjadi destinasi ekopelancongan serantau.

"Keduanya adalah menghidupkan semula kawasan 'paru-paru hijau' di tengah-tengah pembangunan bandar yang dikelilingi kawasan perindustrian, komersial dan perumahan.

"(Dan) terakhir adalah untuk meningkatkan taraf hidup nelayan tempatan, belia kampung serta golongan wanita.

"Maka, dengan menjadikan *River Park@Autocity Juru* sebagai produk ekopelancongan baharu di Seberang Perai, ia melengkapkan lagi daya tarikan pelancongan negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya," jelasnya dalam sesi temu ramah bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** serta dua jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** dan **SIEW CHIA EN** di pusat komersial Autocity Juru pada 8 Ogos 2025.

Sebelum itu, Kiang-Hong turut menyertai pelayaran santai bersama pengamal media Buletin Mutiara serta beberapa badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Turut serta, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Ooi Soon Lee dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Rachel Teh Chuann Yien.

Sepanjang pelayaran santai pergi balik sejauh 12km di hilir Sungai Juru



GARY Teoh Kiang Hong.

yang terkepung dek hutan paya bakau serta pokok berembang, pengunjung berpeluang menikmati sekurang-kurangnya enam habitat liar rimba.

Antaranya habitat burung termasuk burung hijrah; mamalia seperti langur atau lotong, pelbagai serangga; reptilia serta amfibia seperti buaya, biawak dan katak hutan; ikan, kerang, udang, ketam serta belangkas dan pokok rimba laut termasuk paya bakau serta pohon berembang.

"Jadi, mereka yang menyertai pelayaran santai bukan duduk di atas bot semata-mata tetapi dapat merasai pengalaman baharu antaranya mencerap burung hijrah, mandi rimba, menangkap ikan menggunakan jala atau mengutip kerang sambil menikmati laut yang terbentang luas di hilir Sungai Juru," ujarnya yang menganggap bahawa semua aktiviti tersebut sebagai elemen pendidikan pelancongan alam semula jadi secara riang.



BARISAN pengamal media dan NGO berkaitan berpeluang menerokai Sungai Juru di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kiang Hong memberitahu bahawa *Autocity* tidak mungkin dapat meremajakan hilir Sungai Juru sebagai produk ekopelancongan baharu negeri, sekiranya tidak mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri serta beberapa rakan strategik lain.

"*Auto-City Group* mengetuai projek *River Park@Autocity Juru* ini, dengan kerjasama MBSP selaku pihak berkuasa tempatan; Think City Sdn. Bhd. (Think City); *Penang Global Tourism*; Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah; NGO, Persatuan Pencinta Alam Malaysia serta Pertubuhan Penggerak Kerja Pulau Pinang *(WonderWorks)* dan beberapa NGO lain," jelasnya.

Tidak dilupakan, tambah Kiang Hong adalah peranan dimainkan oleh enam pasukan penyelidik yang telah menjalankan kajian lapangan dan penyelidikan berkaitan enam habitat yang wujud di sekitar kawasan ekopelancongan *River Park@Autocity Juru*, sebelum ini.

"Penyelidik dan pakar dari Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sains Malaysia (USM) melakukan tinjauan serta kajian dengan memberi tumpuan kepada spesies serta populasi yang terdapat di sekitar lembangan Sungai Juru; penilaian keadaan habitat; cadangan berkaitan kaedah perlindungan, pemuliharaan dan penambahbaikan habitat.

"Tinjauan dan kajian ini mengambil masa berbulan-bulan dan telah siap pada Mac 2025, yang mana Think City telah menyokong kajian ini.

*(Sambungan di muka 6).*

(Sambungan dari muka 5).

# Urus sisa masing-masing



**OOI Soon Lee.**



**RACHEL Teh Chuann Yien.**



**PELAWAT turut dapat merasai pengalaman menjala ikan sungai semasa pelayaran di Sungai Juru.**

"Kita *(Auto-City Group)* berhasrat menjadikan River Park@Autocity Juru di sini bukan sekadar destinasi ekopelancongan, malah diperkaya dengan elemen *'edutainment'* (pendidikan dan hiburan)," tambahnya.

Difahamkan, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sebelum ini telah meningkatkan peruntukan pembersihan Sungai Juru kepada RM2.293 juta pada 2024, meningkat 24.7 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Soon Lee menjelaskan bahawa JPS melihat Sungai Juru sebagai lembangan sungai unik yang melalui kawasan penempatan, perindustrian dan komersial.

"Pengurusan Sungai Juru mesti melibatkan semua pihak dan jika tidak diurus, ia berisiko menjadi punca banjir dan pencemaran.

"Oleh itu, JPS sentiasa memberi ulasan teknikal terhadap pembangunan berhampiran sungai agar kemampanan dapat dipelihara," katanya.

Sementara itu, Chuann Yien yang juga Presiden WonderWorks berkata bahawa pihaknya telah menganjurkan dua program pembersihan besar-besaran di hilir Sungai Juru.

"Hasil kutipan sampah meningkat daripada 250 kilogram pada Disember 2024 kepada 788 kilogram pada Mei 2025.

"Kebanyakan sisa terdiri daripada plastik sekali guna, botol minuman, pembungkus makanan, polistirena dan kaca. Peningkatan ini membimbangkan dan membuktikan pencemaran masih berlaku pada kadar tinggi," katanya.

Beliau menyeru agar masyarakat setempat serta pihak industri lebih bertanggungjawab menguruskan sisa masing-masing, di samping menggalakkan kerjasama tanggungjawab sosial korporat daripada kilang berhampiran demi kelestarian Sungai Juru.


TAMAN SERI VALDOR @Jawi, Penang

HAKMILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera

**Rumah Teres 2 Tingkat (Serenite)**
Jumlah Unit: 26 unit



Harga Min: RM586,000.00 . Harga Maks: RM710,600.00
Luas Tanah: ± 20' x >70' I Luas Binaan: ± 20' x 45'
4 bilik tidur + 3 bilik mandi

**Rumah Teres 2 Tingkat (Joie)**
Jumlah Unit: 7 unit



Harga Min: RM586,000.00 . Harga Maks: RM710,600.00
Luas Tanah: ± 20' x >65' I Luas Binaan: ± 20' x 43'
4 bilik tidur + 3 bilik mandi

**Rumah Teres 3 Tingkat (Harmonie)**
Jumlah Unit: 12 unit



Harga Min: RM796,200.00 . Harga Maks: RM889,700.00
Luas Tanah: ± 20' x >78' I Luas Binaan: ± 20' x 45'
5 bilik tidur + 4 bilik mandi

KIMYONG™ GROUP
Hello Happiness

Pemaju:
**KY Maju Development Sdn. Bhd.**
201001038858 (922782-A)

No. 1, Lorong Ciku 3, Taman Ciku,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.
604-537 8888
604-530 6888
kymaju@hotmail.com







Nama Syarikat: KY Maju Development Sdn Bhd 201001038858 (922782-A) . No. Lesen Pemaju: 14648/04-2028/0610(A) . Tempoh Sah: 13/04/2023-12/04/2028 . No. Permit Iklan dan Jualan: 1468-7/12-2026/1145(N)-(L) . Tempoh Sah: 17/12/024-16/12/2026 . Jenis Pegangan: Kekal . Bebanan Tanah: Tiada . Tarikh Jangka Siap: April 2026 . Pihak Berkuasa Tempatan: Majlis Bandaraya Seberang Perai . No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSP/40/20-64/26 (17) . Jenis Bangunan: Rumah Teres 2-Tingkat, Jumlah Unit: 33 Unit . Harga Min: RM586,000.00 . Harga Maks: RM710,600.00 . Jenis Bangunan: Rumah Teres 3-Tingkat, Jumlah Unit: 12 Unit . Harga Min: RM796,200.00 . Harga Maks: RM889,700.00 . Diskaun Bumiputera: 5%

# Perbesar operasi pengeluaran

**BEROPERASI** lebih tiga dekad, Mee Sg. Acheh yang diusahakan di atas tanah industri milik Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sungai Acheh dekat Tanjung Berembang kini boleh dianggap sebagai mercu tanda kejayaan industri desa di kawasan tempatan.

Dalam sesi lawatan bersama-sama Pegawai Penerangan di Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul dan Pengerusi PPK Sungai Acheh, Fadzil Ahmad baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** serta jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** dibawa melawat ke kilang milik usahawan Bumiputera berkenaan.

Penyelia kilang, **SITI ZAHIRAH KASSIM**, 44, memberitahu bahawa kilang tersebut kini diusaha oleh anak kepada pengasas produk Mee Sg. Acheh yang bernama Mat Razi Ali.

"Seperti yang dapat dilihat di kilang ini sekarang, pengeluaran mi kuning dan kuetiau putih dijalankan sepenuhnya dengan menggunakan mesin.

"Automasi pengeluaran produk Mee Sg. Acheh bermula sejak 2012 lagi apabila kami membuat pinjaman bank melebihi RM200,000 untuk membeli mesin tersebut.

"(Dan) dengan adanya mesin automasi ini, setiap hari antara lima hingga enam tan mi kuning dan kuetiau putih dikeluarkan bagi memenuhi permintaan domestik di tiga negeri utama iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perak," jelasnya dalam sesi temu ramah pada 7 Ogos 2025.



**HASLIZA Mat Razi.**

Namun, katanya lagi, industri tersebut turut berdepan pelbagai cabaran meskipun permintaan pelanggan terhadap produk Mee Sg. Acheh sentiasa menggalakkan.

"Salah satu cabaran utama adalah peningkatan harga bahan asas iaitu tepung.

"Susulan peluasan skop SST (Cukai Jualan dan Perkhidmatan) sejak 1 Julai lalu, buat masa ini, industri Mee Sg. Acheh masih mampu menyerap kos operasi berkaitan.

"Harga borong setiap pek mi kuning dan kuetiau putih kekal RM1.80.

"Namun, oleh kerana kami tidak menetapkan harga runcit, ada peruncit menjual pada kadar RM2.50, RM2.80 dan sebagainya," ujarnya.

Selain itu, cabaran lain kata Siti Zahirah adalah kesukaran mendapatkan tenaga kerja dalam kalangan anak muda tempatan.

"Tujuan Mee Sg. Acheh bukan sekadar menghasilkan produk halal dan Bumiputera, tetapi juga mahu membuka peluang kerjaya untuk anak-anak muda tempatan.

"Namun ramai yang lebih memilih untuk bekerja di kilang multinasional di luar kawasan kerana gaji yang ditawarkan lebih tinggi.

"Malah ada juga anak muda yang tinggal di Kampung Tanjung Berembang (dalam KADUN Sungai Acheh), tetapi enggan bekerja di sini kerana 'memilih kerja', namun itu adalah hak masing-masing," ulasnya.

Menyentuh prospek masa depan, Siti Zahirah berkata bahawa syarikatnya memang berhasrat memperbesar operasi pengeluaran.

"Sebelum ini, kami pernah menerima geran berbentuk mesin, tetapi jangka hayatnya tidak lama. Akhirnya, kami membuat pinjaman modal sendiri untuk membeli mesin automasi yang lebih berkualiti.

"Sekiranya ada bantuan geran selepas ini, sebaik-baiknya ia diberikan dalam bentuk tunai supaya usahawan boleh memilih mesin atau jentera yang lebih sesuai, berkualiti serta mempunyai jangka hayat lebih panjang dengan kos selenggara rendah," katanya.

Mengakhiri sesi temu ramah, Siti Zahirah menyatakan bahawa syarikatnya bercadang untuk memindahkan operasi ke kilang yang lebih baik serta selesa pada masa hadapan.

"Cuma tidak banyak pilihan kawasan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dekat KADUN Sungai Acheh sendiri.

"Kalau pada masa hadapan, jika ada kawasan khusus IKS di Tanjung Berembang atau KADUN Sungai Acheh, mungkin kami akan pertimbangkan untuk memindahkan kilang ke kawasan baru bagi meningkatkan lagi produktiviti mi kuning dan kuetiau putih jenama Sungai Acheh," jelasnya.

Untuk maklumat lanjut atau tempahan produk Mee Sg. Acheh, boleh hubungi talian **017-536 4164** atau **013-472 0976**.



**MESIN automasi sepenuhnya dalam penghasilan mi kuning dianggap sebagai mercu kejayaan industri desa di sini.**



**MI kuning jenama Mee Sg. Acheh yang siap dibungkus akan dihantar kepada pembekal dan peruncit sekitar Pulau Pinang, Perak dan Kedah.**



**(Dari kiri), ZAHAR Zainul, Siti Zahirah Kassim, Hasliza Mat Razi dan Fadzil Ahmad saling berbincang mengenai proses automasi penghasilan produk di premis kilang.**

# Suri rumah kepada usahawan berjaya

**SEORANG** suri rumah juga mampu menjana pendapatan lumayan sekiranya bijak mencari peluang dan tampil lebih kreatif.

Perkara itu dibuktikan oleh dua suri rumah yang kini bergelar usahawan iaitu **ANA DIN** yang mengusahakan pelbagai jenis kerepek dan makanan sejuk beku serta **NOR ADILLAH AZAHAR** pengusaha aneka roti dan piza di bawah syarikat *Adwa Maju Trading*.

Dalam sesi Jelajah Tasek Gelugor baru-baru ini, Ana berkongsi bahawa naluri sebagai seorang ibu yang mahu menyediakan makanan sihat untuk anak-anak telah mencetuskan perniagaan kerepek yang diusahakannya hingga kini.

"Perniagaan kerepek bermula sejak tahun 2000 ketika anak-anak saya masih kecil dan mereka sangat gemar makan makanan ringan, khususnya kerepek pisang.

"Namun kebanyakan kerepek di pasaran mengandungi garam yang terlalu tinggi, jadi saya mengambil inisiatif menghasilkan sendiri kerepek pisang, muruku, rempeyek, rumpi dan kuih loyang sebagai hidangan untuk anak-anak.

"Dari situ, jiran tetangga mula meminta saya menjual kerepek buatan sendiri kerana katanya lebih sedap dan tidak terlalu masin.

"Saya cuba hasilkan dalam kuantiti lebih banyak untuk dijual kepada keluarga dan jiran, alhamdulillah responsnya sangat positif," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** di kediamannya.

## Permintaan semakin tinggi

Bermula dengan kerepek, perniagaan Ana kemudian berkembang apabila beliau menghasilkan pelbagai makanan sejuk beku atas permintaan anak-anak dan pelanggan setia.

"Mungkin mereka bosan dengan kerepek, jadi ada pula permintaan makanan sejuk beku seperti karipap, cucur badak, kuih kasturi, roti canai, onde-onde, donat dan macam-macam lagi.

"Kebiasaannya saya hasilkan mengikut tempahan pelanggan dan menghantar terus ke rumah mereka. Jika tiada tempahan, saya menjual dari rumah ke rumah sekitar Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

"Setakat ini, semua produk yang saya buat habis terjual dalam masa sehari," katanya yang merupakan ibu kepada lima cahaya mata.



ANA DIN.



SALAH seorang pekerja sedang membungkus kerepek pisang untuk dipasarkan.

Dari segi modal pula, Ana memberitahu, beliau bermula secara kecil-kecilan dengan menggunakan wang simpanan sendiri sebagai seorang suri rumah ketika itu.

"Awalnya hanya saya, suami, anak-anak dan adik-beradik membantu dalam pengeluaran kerana tidak mampu menggaji pekerja.

"Selepas perniagaan berkembang, kini saya mampu menggaji dua orang pekerja," katanya bersyukur kerana hasil perniagaan kecil itu, beliau dapat menyekolahkan anak-anak sehingga ke menara gading.

## Terima bantuan

Menurut Ana, semua produk makanan yang dihasilkannya setiap hari adalah menggunakan kaedah manual menyebabkan kuantiti pengeluaran menjadi terhad.

"Memandangkan permintaan semakin tinggi, saya memohon bantuan daripada agensi berkaitan supaya dapat meningkatkan pengeluaran.



BAHAN berkualiti menjadi resipi utama dalam penghasilan piza talam.



REMPEYEK dan kerepek pisang antara produk yang mendapat permintaan ramai.

"Saya kemudian pergi ke Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan alhamdulillah, tahun lalu saya menerima bantuan berupa mesin pemotong ubi kentang serta dapur industri *(Steel Kwali Double Ring Ranger 2B-1130)*.

"Bantuan ini membolehkan saya menghasilkan produk dalam kuantiti lebih banyak.

"Selain jualan dari rumah ke rumah, produk saya kini dihantar kepada vendor makanan dan kedai runcit sekitar Tasek Gelugor serta luar Pulau Pinang, khususnya pada musim perayaan.

"Hasil bantuan ini juga, nilai jualan produk saya semakin meningkat," katanya.

Ditanya mengenai keistimewaan produknya, Ana menyatakan bahawa penggunaan bahan-bahan berkualiti terutamanya dalam menghasilkan rempeyek menyebabkan produk makanannya mempunyai rasa lain daripada yang lain.

"Bagi menghasilkan rempeyek, saya menggunakan beberapa jenis rempah dengan sukatan berbeza menyebabkan rasanya lebih seimbang, manakala kerepek pisang pula mempunyai tekstur yang lebih rangup dan tidak terlalu masin.

"Mungkin sebab inilah semua produk yang saya hasilkan berjaya dijual dalam masa yang singkat," katanya dalam nada positif.

## Perancangan masa depan

Sepertimana usahawan-usahawan lain yang mempunyai impian setinggi gunung, Ana berkata bahawa beliau juga tidak terkecuali memasang impian besar.

"Saya berhasrat untuk besarkan lagi bengkel pengeluaran makanan supaya dapat menghasilkan produk dalam kuantiti yang lebih banyak untuk dipasarkan di seluruh negeri Pulau Pinang.

"Bengkel yang ada ketika ini sangat sempit menyebabkan produk yang dihasilkan tidak ada ruang untuk penyimpanan kerana ruang yang sangat terhad.

"Justeru, saya berharap agar ada mana-mana agensi berkaitan dapat menghulurkan bantuan supaya saya boleh mengembangkan lagi perniagaan yang ada kini sekali gus membuka peluang ekonomi kepada penduduk setempat.

"Saya juga berhasrat untuk pelbagaikan lagi produk selain meningkatkan kuantiti pengeluaran produk yang ada ketika ini," ulasnya sambil memaklumkan bahawa beliau turut menerima tempahan *"door gift"* untuk majlis perkahwinan.

Menutup bicara, Ana sempat menitipkan kata-kata semangat kepada suri rumah sepertinya yang mempunyai hasrat untuk memulakan perniagaan.

"Pada saya, untuk memulakan perniagaan, seseorang perlu mempunyai sifat berani mencuba dan jangan takut akan kegagalan.

"Buat setakat mana yang kita mampu selain perlu rajin untuk menimba ilmu dengan menghadiri bengkel dan kursus yang disediakan oleh pelbagai agensi kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti produk yang dihasilkan.

"Kita kena yakin bahawa seorang suri rumah juga boleh menyumbang kepada ekonomi keluarga dan negara," tegasnya menutup bicara.

## Pizza Adwa

Delegasi Buletin Mutiara yang diketuai oleh Pegawai Penerangan dari Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul meneruskan lagi jelajah ke restoran makanan Pizza Adwa yang terletak di Taman Seri Serdang, Kepala Batas.

Pemiliknya, Nor Adillah memberitahu bahawa perniagaan Pizza Adwa bermula secara kecil-kecilan pada tahun 2021 dengan menjual pelbagai jenis roti selepas diberhentikan kerja akibat penularan pandemik COVID-19 ketika itu.

"Kemudian, saya menerima permintaan daripada seorang pelanggan untuk menghasilkan roti sosej, dan disebabkan sikap saya yang tidak boleh mengatakan tidak, maka saya cuba buat tetapi mengikut kemampuan yang saya ada pada ketika itu.

"Pada masa itu, muncul idea untuk hasilkan roti sosej berbentuk piza dengan menggunakan bahan-bahan doh roti dan tidak sangka pula pelanggan menyukainya.

"Saya kemudian mempromosikan piza yang dihasilkan melalui laman *Facebook* dan mendapati banyak permintaan diterima daripada pelanggan yang kebanyakannya terdiri daripada ibu bapa pelanggan yang berkerjaya.

"Melihat peluang yang ada, saya mula menghasilkan piza menggunakan doh roti dalam kuantiti yang banyak dan dibungkus dengan rapi supaya produk yang sampai kepada pelanggan dalam keadaan baik," ujarnya yang mempunyai kelulusan akademik dari politeknik dalam bidang ukur bahan.

Mengulas lanjut, Nor Adillah kemudian menghasilkan piza talam bersaiz kecil sebelum memperkenal versi lebih besar bagi memenuhi permintaan pelanggan, terutama untuk jamuan sekolah.

"Apabila saya mendapati ada peningkatan permintaan daripada pelanggan, saya mula menghasilkan piza talam bersaiz lebih besar untuk memenuhi kehendak pelanggan terutamanya yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah.

"Kebanyakan ibu bapa menempah piza talam untuk majlis jamuan sekolah, jadi saya mengambil peluang dengan menghasilkan piza bersaiz besar untuk menyelesaikan masalah mereka," katanya.

## Bahan sihat dan bermutu

Menurutnya, keistimewaan Pizza Adwa adalah penggunaan bahan segar dan berkualiti.

"Contohnya piza ayam, kami guna isi ayam sebenar, bukan sosej atau makanan proses. Begitu juga dengan daging yang mana kami guna isi daging sebenar supaya kualiti terjamin," katanya.

Sebelum menerima bantuan, beliau hanya mampu menghasilkan empat hingga lima piza talam sehari menggunakan peralatan dapur biasa.

"Selain itu, ruang untuk menghasilkan produk juga adalah agak terhad kerana saya buat semuanya di rumah sebelum mengambil keputusan untuk menyewa sebuah kedai khusus untuk menghasilkan piza talam.

"Lagi pula, modal juga terhad kerana hanya bergantung pada wang simpanan sendiri untuk membeli pembakar roti yang berharga mampu milik dengan pembungkusan dibuat berdasarkan kreativiti sendiri.

"Selepas seminggu menyewa kedai barulah kami didatangi oleh pegawai daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk mengenal pasti bantuan yang saya perlukan untuk kembangkan perniagaan," jelasnya.

Pada tahun 2022, Nor Adillah memberitahu bahawa beliau mula menerima bantuan daripada JPNPP berupa dua unit mesin pengadun tepung berkapasiti 30 liter, penyejuk beku dua pintu, troli penyejuk dan *standard proofer*.

"Dengan bantuan yang diterima ini, kami dapat memperbanyak jumlah pengeluaran piza setiap hari.

"Malah, kami juga menambah jumlah perisa iaitu daripada empat sahaja sebelum ini, kepada tujuh hingga lapan perisa dalam pelbagai saiz iaitu besar, sederhana dan kecil bagi memenuhi cita rasa pelanggan setiap hari.

"Namun begitu, piza bersaiz talam industri masih dikekalkan kerana telah menjadi sebahagian daripada identiti kami," ulasnya lanjut.

Semakin dikenali

Tambah Nor Adillah, peningkatan dari segi nilai jualan juga telah membolehkan beliau membuka satu lagi premis perniagaan dengan menyewa lot kedai dekat Kepala Batas.

"Di Pasir Gebu, kami hanya terima tempahan dan hantar kepada pelanggan tetapi di premis baharu ini, pelanggan boleh makan piza panas terus dari dapur," katanya.

Ditanya mengenai keistimewaan Pizza Adwa, Nor Adillah memberitahu bahawa doh yang dihasilkan sangat lembut dan boleh bertahan sehingga dua hari.

Malah, katanya lagi, piza yang dihasilkan bukan sahaja mendapat permintaan di sekitar Pulau Pinang tetapi juga dari negeri jiran seperti Kedah dan Perak.

"Kami juga menghasilkan piza sejuk beku untuk dipasarkan di kedai-kedai sekitar Pulau Pinang dan berhasrat untuk melantik lebih ramai ejen bagi memasarkan piza keluaran kami ke seluruh negara.

"Ada juga permintaan untuk saya hasilkan doh sahaja supaya usahawan lain boleh memanfaatkan produk saya sebagai jenama perniagaan mereka sendiri tetapi saya lebih suka kepada francais demi menjaga nama Pizza Adwa.

"Justeru, sekiranya ada yang mahu berniaga menggunakan produk kami, saya lebih sarankan mereka menjualnya di bawah jenama Pizza Adwa kerana perisa yang kami hasilkan telah menjadi sebahagian daripada identiti kami.

"Hal ini kerana kami mahu menjaga kualiti piza kami," ujarnya yang telah menongkah banyak cabaran untuk meningkatkan perniagaan sehingga kini.




PIZZA talam menjadi identiti perniagaan Pizza Adwa.



MAKANAN sejuk beku antara yang dipasarkan.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
